

LAPORAN TAHUNAN TAHUN 2015



**Jabatan Alam Sekitar
Negeri Kedah**

PERUTUSAN PENGARAH



Assalamualaikum dan Salam 1 Malaysia,

Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat Ilahi, kerana dengan limpah kurniaNya, Jabatan Alam Sekitar Negeri Kedah berjaya menerbitkan Laporan Tahunan bagi tahun 2015.

Sepanjang tempoh dua puluh (20) tahun beroperasi semenjak tahun 1995, Jabatan Alam Sekitar Negeri Kedah telah melaksanakan pelbagai usaha untuk meningkatkan mutu perkhidmatan dan menguatkuasakan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Pelbagai kaedah dijalankan untuk melaksanakan tanggungjawab yang telah di amanahkan melalui aktiviti penguatkuasaan, pemantauan dan pendidikan serta kesedaran awam.

Seiring dengan usaha untuk meningkatkan mutu perkhidmatan, Jabatan ini berjaya mengekalkan Pengurusan Kualiti ISO 9001:2008 semenjak tahun 2008 iaitu persijilan semula Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008 daripada SIRIM QAS International Sdn. Bhd. bagi tempoh 19 Mac 2013 sehingga 18 Mac 2014 bagi skop persijilan Prosedur Memproses Laporan EIA dan Penguatkuasaan Syarat-syarat EIA.

Akta Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan 2012) menjadi lebih mantap menerusi pindaan peruntukan dibawah Seksyen, Peraturan dan terma tafsiran. Selain itu, terdapat banyak penambahbaikan yang telah dilakukan seperti mewujudkan Prosedur Tetap Operasi, Garispanduan, Arahan-arahan Pejabat yang mengambil kira isu semasa untuk di jadikan panduan oleh pegawai-pegawai di Jabatan ini.


Selain memantapkan aktiviti penguatkuasaan, program pendidikan dan kesedaran awam juga diperhebatkan. Program Rakan Alam Sekitar (RAS) di bentuk bagi meningkatkan kesedaran, menanamkan rasa tanggungjawab dan menyediakan saluran yang tepat kepada orang awam dalam aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar serta membantu membanteras aktiviti yang merosakkan dan mencemarkan alam sekitar. Untuk menjayakan program RAS ini, tambahan pusat rujukan RAS di tubuhkan iaitu Pusat Sumber RAS dengan kerjasama Pusat Khidmat Masyarakat Komuniti sebagai usaha yang berterusan untuk meningkatkan keperihatinan masyarakat terhadap penjagaan alam sekitar.

Akhir kata, saya merakamkan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua pihak samaada Jabatan Kerajaan, badan bukan kerajaan dan orang awam yang sedia bekerjasama dengan warga kerja Jabatan Alam Sekitar Negeri Kedah bagi memantapkan pengurusan alam sekitar di Kedah .

MOHAMAD SAYUTI BIN SEPEAL AMK

Pengarah

Jabatan Alam Sekitar Negeri Kedah



VISI

Pemuliharaan Alam Sekitar Untuk Kesejahteraan Rakyat

MISI

Memastikan Pembangunan Lestari Di Dalam Proses Memajukan Negara

FUNGSI

**Mentadbir Dan Menguatkuasa Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974
dan Bahagian (iv), Akta Zon Ekonomi Eksklusif, 1984**



DASAR ALAM SEKITAR NEGARA (DASN)

Dasar Alam Sekitar Negara (DASN) telah diwujudkan untuk meneruskan kemajuan ekonomi, sosial dan budaya serta peningkatan kualiti hidup rakyat Malaysia menerusi kesejahteraan alam sekitar dan pembangunan lestari.

Tujuan DASN:-

Mencapai alam sekitar yang bersih, selamat, sihat dan produktif bagi generasi masa kini dan masa hadapan. Pemuliharaan kebudayaan dan warisan semulajadi yang unik dan pelbagai dengan penyertaan berkesan semua sektor masyarakat. Cara hidup, pola penggunaan dan pengeluaran yang lestari.

Lapan (8) prinsip di bawah DASN:-

Pengawasan Alam Sekitar

Menghormati dan berperihatin terhadap alam sekitar mengikut standard moral dan etika yang tertinggi.

Pemuliharaan Ketahanan Dan Kepelbagaian Alam

Memulihara ekosistem semula jadi untuk memastikan keutuhan kepelbagaian biologi dan sistem-sistem sokongan hidup.

Peningkatan Berterusan Kualiti Alam Sekitar

Memastikan peningkatan berterusan dalam produktiviti dan kualiti alam sekitar ketika mengejar objektif pertumbuhan ekonomi dan pembangunan manusia.

Penggunaan Lestari Sumber-Sumber Asli

Menguruskan penggunaan sumber asli untuk mengekalkan asas sumber dan keutuhan alam sekitar.

Membuat Keputusan Bersepadu

Mengintegrasikan dimensi alam sekitar ke dalam perancangan dan pelaksanaan dasar, objektif dan mandat semua sektor.

Peranan Sektor Swasta


Memperkukuhkan peranan sektor swasta dalam perlindungan dan pengurusan alam sekitar.

Komitmen dan Kebertanggungjawaban

Memastikan semua pembuat keputusan di sektor awam dan swasta, pengguna-pengguna sumber, pertubuhan bukan kerajaan dan orang awam mempunyai komitmen tertinggi terhadap perlindungan dan kebertanggungjawaban ke atas alam sekitar ketika membentuk, merancang dan melaksanakan aktiviti masing-masing.

Penyertaan Aktif dalam Masyarakat Antarabangsa

Menyertai secara aktif dan berkesan dalam usaha serantau dan sejagat ke arah pemuliharaan dan pembaikan alam sekitar.



PENGHARGAAN

Alhamdulillah dan syukur ke hadrat Ilahi kerana laporan tahunan Jabatan Alam Sekitar Kedah 2015 dapat diterbitkan dengan sempurna dan jayanya. Sekalung budi dan penghargaan buat kakitangan-kakitangan setiap unit Jabatan Alam Sekitar Kedah kerana menyumbang usaha dan memberi komitmen penuh dalam memantapkan lagi pengurusan Jabatan ini. Setinggi-tinggi penghargaan dirakamkan juga kepada pihak-pihak yang terlibat secara langsung mahupun secara tidak langsung atas kerjasama dan sokongan dalam merealisasikan hasrat dan misi Jabatan ini untuk Memastikan Pembangunan Lestari Di Dalam Proses Memajukan Negara.

Jutaan terima kasih diucapkan kepada:

Mohamad Sayuti Bin Sepeai,AMK (Pengarah)

Marzuki Bin Mokhatar (Ketua Penolong Pengarah Kanan Operasi)

Zulfadzli Bin Zakaria (Ketua Penolong Pengarah Pembangunan)

Bahagian Pentadbiran

* Unit ICT

* Unit Kewangan

* Unit Pentadbiran

Bahagian Penguatkuasaan

* PYBDT 1

* PYBDT 2

* PYDT

* Kawalan Strategik/Aduan

Bahagian Pembangunan

* Unit EIA

* Unit Post EIA

* Unit PAT

* Unit Pengawasan

* Unit Pendidikan/Sebaran Am

Cawangan


Jabatan Alam Sekitar Cawangan Kulim

* Jabatan Alam Sekitar Cawangan Langkawi

* Jabatan Alam Sekitar Cawangan Sungai Petani

Pelajar Latihan Industri

Siti Shahidah Binti Abdul Shukur



KANDUNGAN

PERKARA

MUKA SURAT

Perutusan Pengarah

I

Visi

II

Misi

II

Fungsi

II

Dasar Alam Sekitar Negara

III

Penghargaan

IV

BAB 1 PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

Pentadbiran

1

Sumber Manusia Dan Latihan

4



BAB 2 PENGAWASAN KUALITI ALAM SEKELILING

Pengawasan Kualiti Udara	6
Pengawasan Kualiti Air Sungai	7
Pengawasan Kualiti Air Laut	9
Pengawasan Kualiti Air Tanah	14

BAB 3 KAWALAN PENCEMARAN ALAM SEKITAR

Aduan Pencemaran Alam Sekitar	17
Operasi Mencegah Pembakaran Terbuka	22
Premis Yang Ditetapkan (PYDT) Di Kedah	25
Premis Yang Bukan Ditetapkan (PYBDT)	31
Sistem Pelaporan Secara Atas Talian	35
Pengawalan Pencemaran Dari Unit Kenderaan	37

BAB 4 PERUNDANGAN

Unit Pendakwaan	44
Tawaran Kompaun	46



**BAB 5 PERANCANGAN DAN PENILAIAN ALAM
SEKITAR**

Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA)	47
Laporan PEIA	48
Pelan Pengurusan Alam Sekitar (EMP)	50
Aktiviti-aktiviti EIA yang diproses di JAS Kedah	52

**BAB 6 PROGRAM KESEDARAN DAN PENDIDIKAN
DAN KESEDARAN AWAM**

Ceramah	55
Pameran	56
Kem Kesedaran Alam Sekitar (KeKAS)	57
Seminar Dan Taklimat	58
Rakan Alam Sekitar (RAS)	58
Sambutan Minggu Alam Sekitar Malaysia (MASM)	59



SENARAI JADUAL

- 1.1 Senarai Perjawatan
- 1.2 Senarai Penempatan

- 2.1 Indek Pencemaran Udara (IPU)
- 2.2 Bilangan Hari Bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) Mengikut Steses
- 2.3 Indek Kualiti Air Negara (IKAN)
- 2.4 Stesen Pengawasan Kualiti Air Sungai Mengikut Lembangan
- 2.5 Stesen Pengawasan Kualiti Air Laut
- 2.6 Stesen Pengawasan Kualiti Air Tanah
- 2.7 National Guidelines For Raw Drinking Water Quality-Revised December 2000

- 3.1 Senarai Kilang Getah, Mod Pelepasan Effluen Dan Jenis Pengeluaran
- 3.2 Senarai Kilang Kelapa Sawit di Kedah dan Mod Pelepasan Efluen
- 3.3 Taburan Premis Buangan Terjadual
- 3.4 Premis Pemerolehan Buangan Terjadual Yang Dilesenkan 2015
- 3.5 Inventori Punca PYBDT Mengikut Daerah Di Negeri Kedah
- 3.6 Jumlah Inventori PBYDT Mengikut Jenis Industri di Negeri Kedah

- 4.1 Jumlah Denda Yang dikenakan Bagi Kesalahan Tahun 2015



- 5.1 Senarai Laporan EIA yang diproses bagi Negeri Kedah Tahun 2015
- 5.2 Senarai Laporan EMP yang diproses di Negeri Kedah Bagi Tahun 2015
- 5.3 Senarai Permohonan Lanjut Tempoh EIA yang diproses di Negeri Kedah Bagi Tahun 2015
- 5.4 Senarai Permohonan Pindaan syarat-syarat EIA bagi tahun 2015
- 5.5 Senarai Permohonan Pindaan syarat-syarat EIA bagi tahun 2015



SENARAJ RAJAH

- 2.1 Lokasi stesen pengawasan udara
- 2.2 Status Kualiti Air Sungai Mengikut Lembangan
- 2.3 Stesen Pengawasan Kualiti Air Sungai
- 2.4 Stesen Pengawasan Kualiti Air Laut
- 2.5 Parameter E- Coli di Kuala
- 2.6 Parameter E-Coli di Pantai
- 2.7 Parameter E-Coli di Pulau
- 2.8 Parameter Pepejal Terampai di Kuala
- 2.9 Parameter Pepejal Terampai di Pantai
- 2.10 Parameter Pepejal Terampai di Pulau
- 2.11 Parameter Minyak Dan Geris di Kuala
- 2.12 Parameter Minyak Dan Geris di Pantai
- 2.13 Parameter Minyak Dan Geris di Pulau
- 2.14 Parameter Nitrate (NO_3)
- 2.15 Parameter Sulphate (SO_4)
- 2.16 Parameter Chloride(Cl)
- 3.1 Aduan Berdasarkan Jenis Pencemaran
- 3.2 Bilangan Kes Aduan Yang Diterima Mengikut Kawasan
- 3.3 Bilangan Pembakaran Terbuka Yang Dikesan Berdasarkan Operasi Mencegah Pembakaran Terbuka Bagi Tahun 2015

- 3.4 Pecahan Kes Pembakaran Terbuka Bagi Tahun 2015
- 3.5 Status Penguatkuasaan PYBDT bagi tahun 2015
- 3.6 Program Kawalan Pelepasan Asap Hitam Kenderaan Diesel.
- 3.7 Bilangan Kenderaan Diesel Dan Tindakan Mengikut Jenis Operasi
- 3.8 Bilangan Dan Jenis Kenderaan Yang dikenakan Kompaun

- 4.1 Kertas Siasatan DiTerima Mengikut Punca Pada Tahun 2015
- 4.2 Kertas Siasatan DiTerima Mengikut Daerah Pada Tahun 2015
- 4.3 Jumlah Bayaran Kompaun Mengikut Jenis Kesalahan Tahun 2015

- 5.1 Pecahan Projek Yang Telah Diluluskan Mengikut Jenis Aktiviti Bagi Negeri Kedah Tahun 2015

- 6.1 Pecahan Aktiviti Ceramah



BAB 1

PENTADBIRAN DAN KEWANGAN



BAB 1

PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

1.1 Pentadbiran

Organisasi Jabatan Alam Sekitar Negeri Kedah (JAS Kedah) diketuai oleh seorang Pengarah dan dibantu oleh Ketua Penolong Pengarah Kanan (Operasi) dan Ketua Penolong Pengarah (Pembangunan). Jumlah pegawai dalam kumpulan Pengurusan dan Profesional iaitu Gred C44 dan C41 adalah seramai 11 orang yang ditempatkan dipelbagai unit dan cawangan. Manakala perjawatan peringkat sokongan teknikal terdiri dari Gred C38, C32, C27, JA29, dan JT22 (kesemuanya seramai 52 orang). Terdapat 2 kekosongan jawatan dalam PK (di Alor Setar) dan PJ (di JAS Cawangan Langkawi) sehingga kini.




Jadual 1.1 : Senarai Perjawatan

Bil.	Jawatan	Gred	Perjawatan	Diisi	Kosong
1.	Pengarah	C54	1	1	0
2.	Ketua Penolong Pengarah Kanan	C52	1	1	0
3.	Ketua Penolong Pengarah	C48	1	1	0
4.	Pegawai Kawalan Alam Sekitar	C44	3	3	0
5.	Pegawai Kawalan Alam Sekitar	C41	8	7	1
6.	Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar (Tertinggi)	C38	1	1	0
7.	Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar (Kanan)	C32	5	5	0
8.	Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar	C27	22	22	0
9.	Penolong Pegawai Tadbir	N32	1	1	0
10.	Penolong Pegawai Sistem Maklumat	F29	1	1	0
11.	Penolong Pegawai Tadbir (Kesetiausahaan)	N27	1	1	0
12.	Penolong Jurutera	JA29	22	21	1
13.	Juruteknik Alam Sekitar	J22	2	2	0
14.	Pembantu Akauntan	W17	2	2	0
15.	Pembantu Tadbir (PT/PO)	N17	7	7	0
16.	Pemandu	H11	7	7	0
17.	Pembantu Am Pejabat	N11	1	1	0
Jumlah			86	84	2



Jadual 1.2: Senarai Penempatan



1.2 Sumber Manusia Dan Latihan

Setiap tahun JAS Kedah menghantar pegawai dan kakitangannya menghadiri kursus, bengkel, seminar dan latihan bagi meningkatkan kemahiran, pengetahuan dan profesionalisma selaras dengan hasrat kerajaan untuk melahirkan pegawai dan kakitangan yang cekap dalam menjalankan tugas yang diamanahkan.

Usaha-usaha ini akan berterusan khususnya kepada pegawai-pegawai dan kakitangan yang baru. Dalam hal ini, kebanyakan kursus yang dihadiri pegawai dianjurkan oleh Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS) yang merupakan Institut latihan di bawah pengurusan JAS Ibu Pejabat. Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS).

Seperti di tahun-tahun sebelum ini JAS Kedah telah menghantar pegawai dan kakitangan menghadiri pelbagai kursus, bengkel, seminar dan latihan-latihan bagi memantapkan lagi keyakinan dan pengetahuan profesionalisma selaras dengan hasrat kerajaan. Pada tahun 2015 seramai 85 orang pegawai dan kakitangan telah menghadiri kursus yang melibatkan teknikal, pengurusan, pentadbiran/kewangan, teknologi maklumat (ICT) dan lain-lain. Semua pegawai dan kakitangan juga telah berjaya menghadiri 7 hari kursus pada tahun 2015 mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 2005.

Disamping itu Jabatan Alam Sekitar Negeri Kedah juga telah menubuhkan beberapa Jawatankuasa yang terlibat dalam menguruskan isu-isu berkaitan pentadbiran Jabatan. Jawatankuasa tersebut adalah seperti berikut:-

Jawatankuasa Majlis Bersama Jabatan (MBJ)

- MBJ adalah bertujuan untuk memperolehi kerjasama yang menyeluruh di antara pihak pegawai dan pihak pekerja di Kementerian/Jabatan.
- Diberi peluang untuk mengemukakan pendapat dan mengambil bahagian secara aktif dalam membincang dan menyelesaikan isu berkaitan sistem kerja, urusan pentadbiran, kebijakan pekerja dan perjalanan organisasi di kementerian, jabatan atau pejabat berkenaan.
- MBJ adalah meliputi semua perkara berkaitan dengan syarat-syarat perkhidmatan dan perjalanan yang ada hubungkait dengan pentadbiran kecuali yang menyentuh dasar kerajaan atau hal-hal perseorangan.



- Semua ahli boleh mengambil bahagian dalam perbincangan dan berkongsi idea dalam mencari penyelesaian masalah yang dihadapi.

Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan


- Membantu dalam pembuatan kaedah-kaedah keselamatan dan kesihatan dan sistem kerja selamat.
- Mengkaji semula keberkesanan program keselamatan dan kesihatan.
- Disamping menjalankan kajian tentang trend kemalangan, kemalangan nyaris, kejadian berbahaya, keracunan pekerjaan atau penyakit pekerjaan yang berlaku ditempat kerja.
- Melaporkan kepada majikan apa-apa keadaan atau amalan yang tidak selamat atau tidak sihat ditempat kerja bersama-sama dengan cadangan untuk tindakan pembaikan.
- Mengkaji semula dasar keselamatan dan kesihatan ditempat kerja dan membuat cadangan kepada majikan bagi apa-apa penyemakan dasar tersebut.

Jawatankuasa Keselamatan Pejabat

- Dilantik oleh Ketua Jabatan.
- Melaksanakan arahan keselamatan kerajaan serta mendapatkan nasihat daripada Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan.
- Tugas tambahan kepada tugas rasminya.

Jawatankuasa Pelaksana MS ISO 9001:2008

- Memastikan kesemua objektif kualiti MS ISO 9001:2008 dicapai di Jabatan Alam Sekitar sepenuhnya.
- Menyelaras aktiviti berkaitan dengan keperluan sistem dan perkara-perkara tertakluk dalam tugas MS ISO 9001:2008



BAB 2

PENGAWASAN KUALITI ALAM SEKELILING



2.1 Pengawasan Kualiti Udara

Terdapat 3 stesen pengawasan kualiti udara iaitu di Bakar Arang (Sungai Petani), Mergong (Alor Setar) dan Kuah (Langkawi). Program pengawasan kualiti udara dijalankan oleh pihak swasta iaitu ASMA Sdn. Bhd. Berdasarkan Indeks Kualiti Udara (IPU) **(Jadual 2.1)**. **(Jadual 2.2)** menunjukkan stesen Bakar Arang mencatatkan bacaan IPU berstatus sihat sebanyak 11 hari pada tahun 2015, bagi stesen mergong sebanyak 195 hari manakala bagi stesen Kuah sebanyak 224 hari. Untuk bacaan IPU yang berada pada status sangat tidak sihat bagi stesen Bakar Arang sebanyak 1 hari, stesen mergong 2 hari manakala stesen kuah 1 hari.

Jadual 2.1: Indeks Pencemaran Udara (IPU)


IPU	Status Kualiti Udara
0 – 50	Sihat
51 – 100	Sederhana Sihat
101 – 200	Tidak Sihat
201 – 300	Sangat Tidak sihat
≥ 300	Merbahaya

Jadual 2.2: Bilangan hari bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) mengikut stesen

Bil	Lokasi	Status IPU 2015					Masalah Teknikal
		0 - 50	51 - 100	101 - 200	201 - 300	≥ 300	
1	Bakar Arang, Sg. Petani	11	334	16	1	0	3
2	Mergong, Alor Setar	195	153	9	2	0	6
3	Kuah, Langkawi	224	122	10	1	0	8



Rajah 2.1: Lokasi stesen pengawasan udara




2.2 Pengawasan Kualiti Air Sungai

Status kualiti air sungai dinilai berdasarkan Indeks Kualiti Air Negara (**Jadual 2.3**). Terdapat 5 lembangan sungai dan 31 stesen pengawasan kualiti air sungai (**Jadual 2.4**) dan program pengawasan kualiti air sungai dijalankan oleh pihak swasta iaitu ASMA Sdn. Bhd. Berdasarkan IKAN, 4 lembangan iaitu Kedah, Muda, Perai dan Langkawi berstatus bersih manakala bagi lembangan Merbok berstatus sederhana tercemar.

Jadual 2.3: Indeks Kualiti Air Negara (IKAN)

IKAN	Status
81 - 100	Bersih
60 - 80	Sederhana Tercemar
0 - 59	Tercemar




Rajah 2.2 : Status Kualiti Air Sungai Mengikut Lembangan



Jadual 2.4: Stesen Pengawasan Kualiti Air Sungai Mengikut Lembangan

Bil.	Lembangan Sungai	Jumlah Stesen	Nama stesen	Indek Kualiti Air	Kelas
1	Kedah	8	<ul style="list-style-type: none"> • Ampang Jajar • Pelubang • Bel.Sek.Keb. Pdg Terap • Kuala Nerang • Pekan Naka • Hutan Lipur Puncak Janing • Pekan Pendang • Jambatan Kepala Batas 	85	Bersih
2	Merbok	5	<ul style="list-style-type: none"> • Jeti Kg.Sungai Batu, Bujang • Jambatan Sek.Men.Bedong • Kg. Sebelah Lee Latex • Jambatan Bandar Sg. Petani • Loji Air Tupah 	79	Sederhana Tercemar
3	Muda	10	<ul style="list-style-type: none"> • Ladang Kuala Muda • Jambatan Syed Omar, K.Ketil • Jambatan Pekan Jeniang • Belakang Balai Polis Baling • Merbau Pulas • Kampung Sungai Karangan • Kuala Pegang • Hutan Lipur Lata Bayu • Kampung Batu 5 Sik • Jambatan Merdeka/Tikam Batu 	83	Bersih
4	Perai	5	<ul style="list-style-type: none"> • Jarak (2PR19) • Jarak (2PR20) • Keladi (2PR16) • Kulim (2PR15) • Kulim (2PR24) 	82	Bersih
5	Melaka (Langkawi)	3	<ul style="list-style-type: none"> • Jambatan Sungai Kisap • Kampung Kumpulan • Ulu Melaka 	88	Bersih




Rajah 2.3: Stesen Pengawasan Kualiti Air Sungai

2.3 Pengawasan Kualiti Air Laut

Terdapat 21 stesen pengawasan air laut iaitu 2 stesen kuala, 8 stesen pantai manakala 11 stesen pulau (**Jadual 2.5**). Aktiviti persampelan air laut dilaksanakan sendiri oleh kakitangan Jabatan Alam Sekitar.

Jadual 2.5: Stesen Pengawasan Kualiti Air Laut

Bil.	Stesen	Lokasi	Katogeri
1	Pantai Merdeka	Pantai	Rekreasi
2	Pantai Langkawi Island Resort	Pantai	Rekreasi
3	Pantai Kuah	Pantai	Perikanan
4	Pantai Tengah	Pantai	Rekreasi
5	Pantai Telok Nibong	Pantai	Rekreasi
6	Pantai Kok	Pantai	Rekreasi
7	Pantai Teluk Burau	Pantai	Rekreasi
8	Pantai Pasir Tengkorak	Pantai	Rekreasi
9	Kuala Kedah	Kuala	Perikanan
10	Kuala Jerlun	Kuala	Perikanan
11	Kuah	Pulau	Pembangunan
12	Teluk Ewa	Pulau	Pembangunan
13	Chenang	Pulau	Pembangunan
14	Tanjung Rhu	Pulau	Pembangunan
15	Pulau Perak	Pulau	Pembangunan
16	Singa Besar	Pulau	Peranginan
17	Dayang Bunting	Pulau	Peranginan
18	Pulau Payar	Pulau	Taman Laut
19	Pulau Kaca	Pulau	Taman Laut
20	Pulau Lembu	Pulau	Taman Laut
21	Pulau Segantang	Pulau	Taman Laut



Rajah 2.4: Stesen Pengawasan Kualiti Air Laut




Proses Persampelan Air Laut




Proses Mendapatkan Bacaan Parameter In – situ Air Laut




Status kualiti bagi tiga parameter utama iaitu e-coli, pepejal terampai dan minyak &geris bagi stesen kualiti air laut adalah seperti di **Rajah 2.3** hingga **Rajah 2.11**.




Rajah 2.5: Parameter E- Coli di Kuala




Rajah 2.6: Parameter E-Coli di Pantai




Rajah 2.7: Parameter E-Coli di Pulau




Rajah 2.8: Parameter Pepejal Terampai di Kuala




Rajah 2.9 : Parameter Pepejal Terampai di Pantai




Rajah 2.10 : Parameter Pepejal Terampai di Pulau







Rajah 2.11 : Parameter Minyak Dan Geris di Kuala



Rajah 2.12 : Parameter Minyak Dan Geris di Pantai



Rajah 2.13 : Parameter Minyak Dan Geris di Pulau



2.4 Pengawasan Kualiti Air Tanah

Terdapat 4 stesen pengawasn kualiti air tanah (**Jadual 2.6**) dan aktiviti pengawasan ini dilaksanakan sendiri oleh kakitangan Jabatan Alam Sekitar. Kualiti air tanah pada tahun 2015 adalah terkawal dan memuaskan dimana kesemua parameter mematuhi piawai yang ditetapkan.


Jadual 2.6: Stesen Pengawasan Kualiti Air Tanah

Bil	Nama Stesen	Lokasi
1.	SK Darul Ullom (MW(7) - K2-1-6.22)	Kepala Batas, Kedah
2.	Kulim Hi-Tech (MW(7) - K3-1-8.45)	Kulim, Kedah
3.	Padang Mat Sirat I	Langkawi, Kedah
4.	Padang Mat Sirat II	Langkawi, Kedah

Jadual 2.7: National Guidelines For Raw Drinking Water Quality (MOH)

- Revised December 2000

Parameter	Symbol	Benchmark
Sulphate	SO ₄	250 mg/L
Hardness	CaCO ₃	500 mg/L
Nitrate	NO ₃	10 mg/L
Coliform	-	Must not be detected in any 100ml sample
Manganese	Mn	mg/L
Chromium	Cr	g/L
Zinc	Zn	3 mg/L
Arsenic	As	0.01 mg/L
Selenium	Se	0.01 mg/L
Chloride	Cl	250 mg/L
Phenol	-	0.002 mg/L
TDS	-	1000 mg/L
Iron	Fe	0.3 mg/L
Copper	Cu	1.0 mg/L
Lead	Pb	0.01 mg/L
Cadmium	Cd	0.003 mg/L
Mercury	Hg	0.001 mg/L






Stesen Pengawasan Kualiti Air Tanah




Proses persampelan Air Tanah







Rajah 2.14: Parameter Nitrate (NO_3)



Rajah 2.15: Parameter Sulphate (SO_4)



Rajah 2.16: Parameter Chloride (Cl)



BAB 3

KAWALAN PENCEMARAN ALAM SEKITAR




KAWALAN PENCEMARAN ALAM SEKITAR


Jabatan Alam Sekitar memainkan peranan utama dalam pengawalan pencemaran alam sekitar serta pelaksanaan langkah – langkah pengawalan dan pencegahan pencemaran. Pelaksanaan tanggungjawab ini adalah berdasarkan kepada bidangkuasa yang diperuntukkan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Tindakan yang diambil terhadap pencemar adalah tertakluk di bawah Akta tersebut dan peraturan – peraturan yang berkaitan.

3.1 Aduan Pencemaran Alam Sekitar


Sepanjang tahun 2015, Jabatan Alam Sekitar Negeri Kedah telah menerima sebanyak 294 aduan pencemaran alam sekitar. Kes aduan yang diterima merangkumi pelbagai jenis pencemaran (Rajah 3.1).



Rajah 3.1: Aduan Berdasarkan Jenis Pencemaran




Daripada jumlah tersebut, aduan pencemaran udara merupakan jenis aduan tertinggi diterima iaitu 198 kes. Kes pembakaran terbuka meliputi pembakaran jerami padi, hutan, tapak pelupusan, tapak pembinaan, industri dan pembakaran sampah sarap domestik merupakan bilangan aduan yang banyak diterima. Aduan di luar bidangkuasa Jabatan Alam Sekitar dirujuk kepada pihak berkuasa tempatan atau agensi lain yang berkaitan untuk tindakan selanjutnya.



Peta 3.1 : Geomaping Kes Aduan Negeri Kedah




Lokasi kes aduan yang diadukan (*geomapping*) di negeri Kedah adalah seperti di dalam Gambar 3.1. Kawasan Kedah Utara (merangkumi Daerah Kota Setar, Pokok Sena, Pendang, Kubang Pasu dan Padang Terap) mencatatkan aduan tertinggi iaitu sebanyak 109 kes diikuti dengan kawasan Sungai Petani (merangkumi daerah Kuala Muda, Sik dan Yan) sebanyak 92 kes, Kulim (merangkumi daerah Kulim, Baling dan Bandar Baharu) sebanyak 78 kes dan Langkawi sebanyak 15 kes seperti ditunjukkan dalam Rajah 3.2.



Rajah 3.2: Bilangan Kes Aduan Yang Diterima Mengikut Kawasan

Pasukan Pemantau Pencemaran (3P)

Pasukan Pemantau Pencemaran (3P) diwujudkan sebagai "mata dan telinga" di setiap kawasan Parlimen terutama kawasan yang kerap menerima aduan pencemaran. Program 3P ini merupakan mekanisma atau pendekatan bagi mencegah dan menangani masalah aduan secara efektif. Program 3P dengan komuniti setempat dapat membantu Jabatan mengambil tindakan cepat dan cekap dalam menangani masalah aduan pencemaran alam sekitar.




Pada tahun 2015, seramai 14 orang ahli baru telah dilantik untuk menyertai Pasukan Pemantau Pencemaran (3P). Ahli baru ini adalah daripada kawasan Parlimen Jerai yang melibatkan tiga (3) kawasan Dewan Undangan Negeri iaitu Gurun, Guar Chempedak dan Sungai Limau. Tiga (3) program kepada ahli 3P telah dilaksanakan oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Kedah pada tahun 2015 iaitu;


Bi I	Program	Tarikh	Tempat
1.	Penerangan Pelaksanaan Tindakan Pilot Projek Bagi Ahli 3P	10-12 Mei 2015	Pusat Latihan Dan Pembangunan Pengembangan Teluk Chengai, Kedah
2.	Lawatan Industri	30 September 2015	Petronas Fertilizer Chemical Sdn.Bhd., Gurun, Kedah
3.	Penyampaian Sijil perlantikan Ahli 3P (sempena sambutan Minggu Alam Sekitar Malaysia (MASM) Peringkat Negeri Kedah)	22 Oktober 2015	Chinta Sayang Resort, Sungai Petani, Kedah



Program Lawatan Industri ke Petronas Fertilizer Chemical (M) Sdn. Bhd., Gurun, Kedah




Majlis Penyampaian Sijil Perlantikan Kepada Ahli 3P di Chinta Sayang Resort Sempena MASM Peringkat Negeri Kedah 2015



3.2 Operasi Mencegah Pembakaran Terbuka


Pembakaran terbuka adalah antara penyumbang utama pencemaran udara. Bagi mengawal kegiatan pembakaran terbuka, Jabatan Alam Sekitar Negeri Kedah menjalankan pemantauan melalui rondaan darat secara berkala, pengesanan titik panas (*hotspot*) daripada satelit serta aduan pembakaran terbuka yang diterima dari pada orang awam. Sebanyak 198 bilangan pembakaran terbuka telah dikesan sepanjang tahun 2015 di mana pengesanan titik panas (*hotspot*) mencatatkan bilangan tertinggi iaitu sebanyak 101 kes diikuti dengan aduan yang diterima daripada orang awam 93 kes, pengesanan melalui rondaan darat 2 kes dan aduan 2 kes (Rajah 3.3). Bagi tahun 2015 bilangan titik panas (*hotspot*) yang dikesan telah menurun sebanyak 39.1% iaitu 101 kes berbanding 166 kes pada tahun 2014. Aduan awam pembakaran terbuka bagi tahun 2015 didapati menurun sebanyak 17.7% iaitu 93 kes berbanding 113 kes pada tahun 2014. Penurunan ini mungkin disebabkan oleh kesedaran orang awam mengenai kesan pembakaran terbuka yang dilakukan dan juga larangan pembakaran terbuka yang dikuatkuasakan.



Rajah 3.3: Bilangan Pembakaran Terbuka Yang Dikesan Berdasarkan Operasi Mencegah Pembakaran Terbuka Bagi Tahun 2015



Pembakaran sampah sarap adalah jenis tertinggi pembakaran yang dikesan berbanding dengan punca pembakaran terbuka lain. Pembakaran sampah sarap ini kebiasaannya dilakukan di kawasan lapang yang melibatkan pembakaran keatas daun – daun kering/cantasan pokok dikawasan kampung, tapak industri dan tapak pelupusan sampah. Punca lain pembakaran terbuka yang dikesan adalah pembakaran sekam padi, belukar, ladang/kebun, bahan binaan dan lain – lain. Pembakaran tumbuhan untuk memugar tanah bagi tujuan penanaman atau penanaman semula apa – apa tanaman tumbuhan serta pembakaran jerami padi adalah aktiviti yang diisytiharkan dan dibenarkan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Rajah 3.4).



Rajah 3.4: Pecahan Kes Pembakaran Terbuka Bagi Tahun 2015



Pembakaran Terbuka Yang Dikesan



Pada tahun 2015, sebanyak lapan (8) pemeriksaan telah dijalankan ke atas tapak pelupusan sampah di Negeri Kedah yang diselia oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Hasil pemeriksaan tersebut, satu (1) notis arahan pemadaman kebakaran di tapak pelupusan telah dikeluarkan. Arahan tindakan pemadaman pembakaran terbuka yang dikesan telah diambil tindakan.



3.3 Premis Yang Ditetapkan (PYDT) Di Kedah

Kilang Getah Asli Mentah

Kilang getah asli mentah diklasifikasikan sebagai premis yang ditetapkan di bawah Seksyen 18(1) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 di mana pendudukan atau penggunaannya mestilah dilesenkan terlebih dahulu. Pada tahun 2015, sebanyak 10 buah kilang getah telah dilesenkan untuk beroperasi di negeri Kedah.

Kilang getah dipantau melalui Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan) (Getah Asli Mentah) 1978. Bagi memastikan pihak premis sentiasa mematuhi setiap syarat-syarat yang telah dikenakan, pematuhan berterusan sentiasa dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar. Pematuhan oleh Kilang Getah pada tahun 2015 adalah 67%.

Jadual 3.1 : Senarai Kilang Getah, Mod Pelepasan Efluen Dan Jenis Pengeluaran

Bil	Nama Kilang	Mod Pelepasan Efluen	Jenis Pengeluaran
1	Mardec Processing – Baling, Kulim	Alur air	SMR 10/20 MARUB 10 CV/20CV
2	ACK Process Sdn Bhd-Jabi Pokok Sena	Kitar Semula	SMR 10/20
3	Euroma Rubber- Labu Besar, Kulim	Kitar semula dan alur air	SMR Block Rubber Compound Rubber
4	Teh Ah Yau – Bedong, Sungai Petani	Alur air	SMR Block Rubber
5	Tiong Huat Rubber Factory – Sungai Petani	Alurair & Kitar Semula	SMR Block (High Grade) SMR Block(L Grade)
6	Muhibbah Lateks – Gurun, Sungai Petani	Alur air	Lateks Pekat Bekuan Skim
7	Lee Lateks – Bedong, Sungai Petani.	Alur air	Latex Concentrate Skim Crepe/Crumb
8	Hevea – Gurun, Sungai Petani	Kitar Semula	SMR Block Rubber
9	Sungai Tawar Latex Co. – Kuala Ketil, Kulim	Alur air	SMR 10/20 Latex Concentrate Krip skim
10	Kilang Getah Felda Teloi Timur – Kuala Ketil, Kulim	Alur air	SMR 10/20

Kilang Kelapa Sawit

Pada tahun 2015, sebanyak 6 buah kilang kelapa sawit telah dilesenkan oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Kedah seperti Jadual 3.2. Kilang Kelapa Sawit dikawalselia melalui Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan) (Kelapa Sawit Mentah) 1977. Pencapaian pematuhan oleh Kilang Kelapa Sawit pada tahun 2015 adalah 100%.

Jadual 3.2 : Senarai Kilang Kelapa Sawit di Kedah dan Mod Pelepasan Efluen

Premis Pemerolehan Buangan Terjadual

Bil	Nama Kilang	Mod Pelepasan Efluen
1.	Setiakawan Kilang Kelapa Sawit S/B	Alurair
2.	Taclico Co. Sdn Bhd	Atas Tanah (Sprinkler System)
3.	Arah Kawasan Sdn Bhd	50% alurair, 50% kitar semula
4.	Kuala Lumpur Kepong Berhad (Kilang Kelapa Sawit Batu Lintang)	Atas Tanah (Trenches)
5.	Solid Orient Holding Sdn. Bhd	Alur air
6.	Sime Darby Plantation Sdn. Bhd (Sungai Dingin Palm Oil Mill)	Atas Tanah (Sistem Farrow)

Pada tahun 2015 sebanyak 24 buah premis pemerolehan buangan terjadual telah dilesenkan dan beroperasi di negeri Kedah (Jadual 3.3 dan Jadual 3.4) di mana 21 premis sediaada dan 3 3 premis adalah premis baru. Bagi memastikan premis-premis buangan terjadual yang telah dilesenkan ini mematuhi Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 pada setiap masa, Jabatan Alam Sekitar Negeri Kedah telah melakukan siasatan secara berkala, pemeriksaan audit, dialog dan tindakan perundangan. Status pematuhan bagi premis pemerolehan buangan terjadual adalah pada tahun 2015 adalah 87.5% .



Jadual 3.3 : Taburan Premis Buangan Terjadual

Jenis Lesen	Kedah Utara	Sungai Petani	Kulim	Langkawi	Jumlah
Pemerolehan Kembali Penuh (dengan pengangkut)	1	5	6	0	12
Pemerolehan Kembali Separa (dengan pengangkut)	1	4	5	0	10
Tapak Pelupusan Selamat	0	0	1	0	1
Penunu	0	0	0	1	1
Kemudahan Penstoran Luar Tapak	0	1	0	0	1

Jadual 3.4 : Premis Pemerolehan Buangan Terjadual Yang Dilesenkan 2015

Bil	Nama Premis	Alamat	Jenis Lesen	Kod BT
1	Dhakshinamoorthy Manufacturing Sdn. Bhd.	No. 48, Jalan Utara 4, Kawasan Perusahaan Mergong, Jalan Tunku Abdul Rahman 05050 ALOR SETAR	Partial Recovery	SW110
2	Dhakshinamoorthy Manufacturing Sdn. Bhd.	No. 48, Jalan Utara 4, Kawasan Perusahaan Mergong, Jalan Tunku Abdul Rahman 05050 ALOR SETAR	Full Recovery	SW409
3	Jivas Enterprise Sdn. Bhd	No. 5, Jalan Makmur 1 Kawasan Perindustrian Ringan Bukit Makmur 08000 SUNGAI PETANI	Partial Recovery	SW110
4	P.F Enterprise	H-105 & H-106, Jalan Perusahaan Indah 5 Kawasan Industri Ringan Sejati Indah 08000 SUNGAI PETANI	Partial Recovery	SW110

5	Thitec Technology	No. 9, Jalan Industri Desa Aman ½, Kawasan Perusahaan Ringan Desa Aman, Sungai Lalang 08100 BEDONG	Partial Recovery	SW110
6	Akshaani Auto Sdn. Bhd.	6, Jalan Makmur 1 Kawasan Industri Bukit Makmur 08000 SUNGAI PETANI	Partial Recovery	SW110
7	Everlantern Trading Sdn. Bhd.	Everlantern Trading Sdn. Bhd. No. 18, Jalan Saujana 1 Taman Industri Saujana 09600 LUNAS	Partial Recovery	SW110
8	Innovasi Laman Sdn. Bhd.	84, Jalan Waja 3 Taman Industri Waja 09000 KULIM	Partial Recovery	SW110
9	Metric World Sdn. Bhd.	No. 516, Jalan Waja 4 Taman Industri Waja 09000 KULIM	Partial Recovery	SW110
10	Syarikat Siven Enter- prise Sdn. Bhd.	Lot 463, Plot 14, Kampung Baru Padang Kulim, Kelang Lama 09000 KULIM	Partial Recovery	SW110
11	Taiko Metal Recycle Sdn. Bhd.	Taiko Metals Recycle Sdn. Bhd. Lot 73, Jalan Perusahaan 2B Kawasan Perusahaan Kulim 09000 KULIM	Partial Recovery	SW110
12	Petronas Gas Berhad	Petronas Gas Berhad Pejabat Operasi Serantau Gurun KM 1, Jalan Jeniang, P.O.Box 31, 08300 GURUN	Off-site storage	SW102, SW103, SW104, SW109, SW110, SW305, SW306, SW311, SW321, SW409, SW410, SW417,
13	KCK Metal Sdn bhd	Plot 46, Kaw Perindustrian Sungai Petani, Taman Ria jaya, 08000 SUNGAI PETANI	Full Recovery	SW422
14	Kiyamas Chemical Sdn Bhd	Plot 112, Seksyen 65A, Jalan PKNK 2, Bandar Baru Sungai Petani, 08000 SUNGAI PETANI	Full Recovery	SW 204, SW 206, SW 401



15	Metachem Reclaim Industries	Sublot 10, Lot 80, Kawasan Perindustrian Bakar Arang, 08000 SUNGAI PETANI	Full Recovery	SW104
16	Meridian Recycling Sdn. Bhd.	Meridian Recycling Sdn Bhd 39, Jalan PKNK 1/6 Kawasan Perusahaan Sungai Petani	Full Recovery	SW206, SW401, SW204, SW321, SW202
17	Meridian Recycling Sdn. Bhd	Meridian Recycling Sdn Bhd 48, Jalan PKNK 1/6 Kawasan Perusahaan Sungai Petani 08000 SUNGAI PETANI	Full Recovery	SW104, SW202, SW204, SW305, SW306, SW312, SW314, SW321, SW 325, SW416, SW417, SW418,
18	Faber Medi-Serve Sdn. Bhd	Hospital Langkawi Jalan Padang Mat Sirat 07000 KUAH	Incinerator	SW404
19	Taiko Bleaching Earth Sdn. Bhd	Lot 1078, Ladang Buntar Serdang, BANDAR BARU	Secured Land-fill	SW427
20	Globecycle Manufacturing Sdn Bhd	Lot 1474, 1475, 1476, Pekan Sungai Karangan, KULIM	Full Recovery	SW104 , SW204 , SW206 , SW322 , SW323 , SW401 , SW422 ,
21	Hi Tech Full Recovery Sdn. Bhd.	Lot 4169, No. 14, Lorong Perusahaan 3, Kawasan Perindustrian Padang Meha	Full Recovery	SW103, SW104, SW202, SW302, SW401, SW422, SW423
22	Prosperous Nine Trading (M) Sdn. Bhd.	Lot 4167, Mukim Padang Meha , 09000 KULIM	Full Recovery	SW 104
23	Syarikat Nirossya Sdn. Bhd.	Lot 120-122, Kawasan Industri Taman Mesra, 09600 KULIM	Full Recovery	SW321
24	5NPV (M) Sdn. Bhd	Plot 25, Jalan Hi- Tech 4, Taman Teknologi Tinggi Kulim, Kedah	Full Recovery	SW429, SW204
25	S.P Mega Industries Sdn. Bhd.	PT 361, Mukim Padang Meha, 09600 KULIM	Full Recovery	SW 104

MAJLIS TAKLIMAT DAN PENYERAHAN LESEN PYDT-BT


Bagi mewujudkan kerjasama, komitmen dan mendapatkan maklumbalas daripada pihak Premis Yang Ditetapkan (Buangan Terjadual) , Jabatan Alam Sekitar Negeri Kedah telah mengadakan Majlis Taklimat dan Penyerahan Lesen pada 30 April 2015. Sebanyak 21 orang wakil bagi Premis Pemerolehan (Buangan Terjadual) telah menghadiri majlis ini.

Objektif penganjuran majlis ini adalah:-

- Memberikan ruang dan peluang kepada pihak pengusaha untuk mengetahui dan memahami mengenai peranan yang di mainkan oleh Jabatan Alam Sekitar dalam usaha penjagaan alam sekitar di Malaysia.
- Memberi penerangan berkenaan pematuhan syarat-syarat lesen berkaitan dengan PYDT-BT.
- Mewujudkan interaksi dua hala di antara pihak pengusaha dengan JAS.
- Memastikan semua Premis Pemerolehan (Buangan Terjadual) boleh menggunakan Sistem Aplikasi Elektronik (eSWIS) dengan baik dan berkesan.



Sekitar Majlis Penyerahan Lesen PYDT-BT kepada wakil premis di Kedah



3.4 PREMIS YANG BUKAN DITETAPKAN (PYBDT)

Inventori PYBDT

Bagi tahun 2015, terdapat **2912** premis PYBDT di rekodkan di negeri Kedah. **Jadual 3.0** menunjukkan bilangan premis PYBDT tertinggi direkodkan adalah di daerah Kuala Muda iaitu sebanyak **1020** premis diikuti Kota Setar sebanyak **539** premis dan Kulim sebanyak **489** premis.

Jadual 3.5 : Inventori Punca PYBDT Mengikut Daerah Di Negeri Kedah

Daerah	Bilangan Inventori
Kuala Muda	1020
Kota Setar	539
Kulim	489
Kubang Pasu	286
Langkawi	246
Baling	86
Pendang	69
Pokok Sena	49
Padang Terap	37
Yan	37
Bandar Baharu	33
Sik	22

Daripada keseluruhan punca tersebut di atas, pihak JAS telah mengkategorikan punca-punca tersebut kepada **38** jenis industri. **Jadual 3.1** menunjukkan jenis industri tertinggi adalah loji kumbahan IWK iaitu **740**



Jadual 3.6 : Jumlah Inventori PBYDT Mengikut Jenis Industri di Negeri Kedah

JENIS INDUSTRI	BILANGAN PREMIS
Loji Kumbahan (IWK)	740
Bengkel / Workshop	338
Berasaskan Kayu	244
Makanan & Minuman	191
Elektrik Dan Elektronik	173
Plastik	173
Pengilangan Logam	164
Loji Kumbahan Persendirian	145
Hotel	122
Kilang Padi	121
Perubatan	112
Industri Kimia	91
Fabrikasi Logam	83
Berasaskan Getah	75
Kenderaan	50
Tekstil	41
Gudang	40
Kertas	36
Loji Rawatan Air	31
Galian Bukan Logam	34
Kuari	27
Simen	24
Perkhidmatan	19
Pasar	17
Penyudahan Logam dan Sadur Elektrik	14
Percetakan	14
Tapak Pelupusan Sampah	12
Jentera	12
Pembuatan Payung dan Lain-lain Indus-	11
Perlombongan	10
Makanan Ternakan	8
Restoran	7
Loji Janakuasa	3
Pertanian	3
Lain-lain	3
Peralatan Pejabat dan Alat Tulis	2
Rokok & Tembakau	1
Peralatan Sukan Dan Permainan	1
Penapisan Petroliaam	1

Semua punca PYBDT ini dikelaskan kepada punca pencemaran air (efluen dan kumbahan), punca pencemaran udara dan punca buangan terjadual.

Punca Pencemaran Air

Bilangan PYBDT yang menghasilkan efluen di negeri Kedah adalah sebanyak **134** premis dan **667** loji kumbahan (IWK dan Persendirian). Sektor industri yang banyak menghasilkan efluen di negeri Kedah adalah sektor elektrik dan elektronik, makanan dan minuman loji kumbahan. Punca-punca pencemaran air ini dikawal di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pencemaran Daripada Stesen Pemindahan Sisa Pepejal dan Kambus Tanah) 2009.

Punca Pencemaran Udara

Bilangan PYBDT yang menghasilkan pencemar udara di negeri Kedah adalah sebanyak **1005** punca. Sebanyak **734** premis adalah tertakluk kepada Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014. Sektor industri yang banyak menghasilkan pencemar udara di negeri Kedah adalah sektor berasaskan kayu, makanan dan minuman serta elektrik dan elektronik. Punca-punca pencemaran air ini dikawal di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014.


Punca Pengeluaran Buangan Terjadual

Bilangan PYBDT yang menghasilkan buangan terjadual di negeri Kedah adalah sebanyak **1180** punca. Premis yang menghasilkan buangan terjadual tertinggi adalah bengkel, diikuti oleh industri elektrik dan elektronik serta industri pengilangan logam. Premis pengeluar buangan terjadual dikawal di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005.



Status Penguatkuasaan PYBDT

Sepanjang tahun **2015**, bilangan siasatan penguatkuasaan ke atas PYBDT adalah sebanyak **1071** siasatan. Hasil daripada siasatan penguatkuasaan yang telah dijalankan sebanyak **945** premis patuh kepada Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 manakala sebanyak **126** premis tidak patuh. Status penguatkuasaan Jabatan Alam Sekitar ke atas PYBDT dan pematuhannya adalah seperti **Rajah 3.0** di bawah.




Rajah 3.5: Status Penguatkuasaan PYBDT bagi tahun 2015



3.5 SISTEM PELAPORAN SECARA ATAS TALIAN

Sistem Aplikasi Electronic Scheduled Waste Information System (eSWIS)



Sistem Aplikasi Electronic Scheduled Waste Information System adalah penambahbaikan kepada Sistem Aplikasi e-consignment (ECN) dimana ianya adalah sistem pemberitahuan oleh pihak pengeluar buangan terjadual kepada pihak JAS secara atas talian mengenai maklumat penghasilan buangan terjadual dengan menggunakan aplikasi web.


Menerusi sistem aplikasi ini, pihak pengeluar buangan perlu memaklumkan kepada JAS berkenaan notifikasi penghasilan buangan terjadual, inventori buangan terjadual serta transaksi pelupusan buangan terjadual kepada penerima buangan terjadual (Waste Receiver).

Tiga (3) pengguna utama sistem aplikasi ini ialah pengeluar buangan (waste generator) yang bertanggungjawab membuat pemberitahuan mengenai buangan terjadual yang dihasilkan manakala pengangkut yang dilesenkan (waste transporter) perlu membuat verifikasi setiap transaksi yang dijalankan. Penerima buangan (waste receiver) pula akan membuat pengakuan setiap bekas-bekas buangan terjadual yang diterima

daripada pengangkut untuk proses pemerolehan kembali, penunuan buangan (incineration) atau pelupusan selamat (secured landfill).

Sehingga akhir 2015, sebanyak 1174 premis telah menggunakan sistem aplikasi ini.

Sistem Online Environmental Reporting(OER



Sistem ini dibangunkan bagi menggantikan Sistem Aplikasi Monthly Discharge Monitoring Report (MDMR) yang telah digunakan sehingga tahun 2014. Penggunaan sistem aplikasi OER ini telah diperluaskan daripada pelaporan effluen dan kumbahan premis PYBDT kepada Kilang Kelapa Sawit dan Kilang Getah bagi pelaporan penyata sukutahunan. Pada tahun 2015, sebanyak **688** premis telah menggunakan Sistem Aplikasi ini.



3.6 PENGAWALAN PENCEMARAN DARIPADA KENDERAAN BERMOTOR


Unit Kenderaan Bermotor bertanggungjawab terhadap kawalan pencemaran udara daripada kenderaan bermotor seperti kereta, van, lori, bas dan motosikal. Penguatkuasaan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 serta peraturan-peraturan berkaitan dijalankan secara berterusan bagi mengawal pencemaran udara berpunca daripada kenderaan bermotor.

Kawalan Pelepasan Asap Hitam Daripada Kenderaan Diesel

Kawalan Pelepasan asap hitam kenderaan diesel di bawah Peraturan – Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996 dilakukan melalui OPS STATIK (termasuk operasi bersama PDRM dan Jabatan Pengangkutan Jalan) dan OPS CATAT/KAMERA VIDEO. Sebanyak 220 operasi penguatkuasaan asap hitam kenderaan diesel telah dijalankan di mana melibatkan sebanyak 177 OPS CATAT/KAMERA VIDEO dan 43 OPS STATIK sepertimana ditunjukkan di dalam **Rajah 3.10**.




Pelepasan Asap Hitam Daripada Kenderaan Diesel.




Rajah 3.6 Program Kawalan Pelepasan Asap Hitam Kenderaan Diesel.


Sepanjang tahun 2015, sebanyak 27,368 buah kenderaan telah dibuat pemerhatian melalui Operasi Catat Kamera Video. Daripada jumlah tersebut sebanyak 27,253 (96.5%) kenderaan yang dibuat pemerhatian mematuhi pelepasan asap hitam. Kenderaan yang melepaskan asap berlebihan diarah hadir ke PUSPAKOM untuk ujian asap. Bagi Ops Statik pula sebanyak 4,863 kenderaan telah ditahan dan dibuat pemerhatian secara visual. Daripada jumlah tersebut sebanyak 1,125 buah kenderaan



telah ditahan dan diuji menggunakan meter dan sebanyak 31 buah kenderaan telah dikenakan kompaun kerana melepaskan asap hitam melebihi had yang dibenarkan. **Rajah 3.12** menunjukkan bilangan dan jenis kenderaan yang telah dikenakan tindakan kompaun bagi tahun 2015.



Rajah 3.7 Bilangan Kenderaan Diesel Dan Tindakan Mengikut Jenis Operasi



Rajah 3.8 Bilangan Dan Jenis Kenderaan Yang Dikenakan Kompaun.



Kawalan Pelepasan Gas Daripada Kenderaan Petrol

Pada tahun 2015, sebanyak 26 operasi Kawalan Pelepasan Daripada Kenderaan Petrol di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Petrol) 1996 telah dijalankan. Sejumlah 460 kenderaan petrol telah diuji dan semua kenderaan ini didapati mematuhi had pelepasan yang ditetapkan.

Ujian Pelepasan Gas Daripada Kenderaan Petrol



Sebanyak 16 operasi Kawalan Pelepasan Daripada Motosikal di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Motosikal) 2003 telah dijalankan. Sejumlah 208 motosikal telah diuji dimana tahap pemuatan had pelepasan adalah 100%.

Ujian Pelepasan Gas Daripada Motosikal



Kawalan Bunyi Bising Daripada Motosikal

Pemeriksaan pelepasan bunyi bising daripada motorsikal dijalankan secara berkala dengan kerjasama pihak PDRM Cawangan Trafik dan JPJ. Sebanyak 10 operasi telah dijalankan, dimana 131 motosikal telah diuji dengan peratus pematuhan adalah 100%.

Pemeriksaan Bunyi Bising Motosikal



Kemudahan Yang Diluluskan (KYDL)

Kemudahan Yang Diluluskan (KYDL) adalah kemudahan yang menjalankan ujian pelepasan asap hitam dan gas daripada kenderaan komersil atau awam. Di Kedah terdapat 4 KYDL yang beroperasi iaitu PUSPAKOM di Alor Setar, Sungai Petani, Langkawi dan bengkel Lean Soon Mobile Crane & Trading Co. di Alor Setar. Pemeriksaan pematuhan ke atas KYDL ini dilakukan sebanyak 8 kali dan didapati operasi KYDL ini mematuhi syarat – syarat kelulusan yang ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar.



Pemeriksaan Kemudahan Yang Diluluskan (KYDL)



Pengendali Berkumpulan (*Fleet Operator*)

Pengendali berkumpulan adalah syarikat kenderaan yang mempunyai kenderaan diesel melebihi 10 buah yang diwajibkan menjalankan ujian asap ke atas kesemua kenderaan miliknya secara berkala dan menyimpan keputusan ujian asap yang dilakukan di dalam buku log. Pada tahun 2015 terdapat 55 Pengendali Berkumpulan di Kedah di mana sebanyak 25 pemeriksaan telah dijalankan.

Pemeriksaan Pematuan Premis Servis Alat Hawa Dingin Kenderaan

Pada tahun 2015 sebanyak lima (5) premis servis alat hawa dingin kenderaan telah diperiksa penggunaan gas HFC jenis R134a dan CFC jenis R12. Pemeriksaan gas ini menggunakan Alat Refrigerant Identifier (RI) dan didapati peratus pematuan adalah 100%.



Pemeriksaan Gas Hawa Dingin Di Bengkel Servis Hawa Dingin Kendaraan



BAB 4


PERUNDANGAN



4.1 UNIT PENDAKWAAN


Kertas Siasatan

Pada tahun 2015, sebanyak 11 kertas siasatan telah disediakan dan dirujuk kepada Timbalan Pendakwaraya. Kes yang dirujuk melibatkan kesalahan pelepasan efluen perindustrian, projek EIA dan juga pembakaran terbuka (Sila Rujuk Jadual 1 & II).



Rajah 4.1: Kertas Siasatan DiTerima Mengikut Punca Pada Tahun 2015






Rajah 4.2: Kertas Siasatan DiTerima Mengikut Daerah Pada Tahun 2015

Tindakan Mahkamah

Sebanyak 3 kes telah didakwa di mahkamah melibatkan kesalahan di bawah Punca-Punca Tetap dengan jumlah kutipan denda berjumlah RM 44,000.00 (Sila rujuk Jadual 4.1)


Jadual 4.1: Jumlah Denda Yang dikenakan Bagi Kesalahan Tahun 2015

Bil	Seksyen/Peraturan	Bil.Kes	Denda
1.	Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009	3	RM 44,000.00



4.2 Tawaran Kompaun

Pada Tahun 2015, sebanyak 126 kompaun telah dikeluarkan melibatkan pelbagai kesalahan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dengan jumlah kutipan bayaran kompaun sebanyak RM 118,500.00. Tawaran kompaun tersebut melibatkan Punca – Punca Tetap sebanyak RM 102,500.00 manakala tawaran kompaun Kenderaan Bermotor sebanyak RM 16,000.00. (Sila rujuk Rajah 4.3)



Rajah 4.3 : Jumlah Bayaran Kompaun Mengikut Jenis Kesalahan Tahun 2015



BAB 5

PERANCANGAN DAN PENILAIAN ALAM SEKITAR



5.1 Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling(EIA)

Kajian Impak Alam Sekeliling (EIA) adalah bertujuan untuk mengenalpasti, meramal dan menghuraikan maklumat berkenaan kesan-kesan aktiviti pembangunan projek yang dicadangkan terhadap alam sekeliling.

Seksyen 34A (1) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, Menteri selepas berunding dengan Majlis, boleh dengan perintah menetapkan apa-apa aktiviti yang mungkin mempunyai kesan yang bererti pada alam sekeliling sebagai aktiviti yang ditetapkan. Pada 28 ogos 2015, telah digazetkan pindaan terhadap aktiviti-aktiviti yang ditetapkan melalui Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 2015. Aktiviti dikelaskan kepada Jadual 1 dan Jadual 2 dimana pengelasan aktiviti seperti berikut:

JADUAL PERTAMA

Pertanian
Aerodrom
Saliran dan Pengairan
Perikanan
Perhutanan
Industri
Penebusgunaan Tanah
Perlombongan
Petroleum
Pelabuhan
Penjanaan dan Pemancaran Kuasa
Pembangunan di Kaw Pantai dan Bukit
Pembangunan di Kawasan Cerun
Pengolahan dan Pelupusan Buangan
Pengorekan
Perumahan
Pembangunan Estet Industri
Bandar Baharu
Kuari
Jalan
Bekalan Air

JADUAL KEDUA

Pertanian
Aerodrom
Saliran dan Pengairan
Perikanan
Perhutanan
Industri
Penebusgunaan Tanah
Perlombongan
Petroleum
Pelabuhan
Penjanaan dan Pemancaran Kuasa
Pembangunan di Kaw Pantai, Taman Negara dan Taman Negeri
Pembangunan di Kawasan Cerun
Pengolahan dan PelupusanBuangan
Pembinaan Empangan
Pengangkutan
Bahan Radioaktif dan buangan Radioaktif




Berdasarkan Jadual pengelasan di atas Laporan EIA Jadual Pertama diproses diperingkat Jabatan Alam Sekitar Negeri Kedah, manakala bagi laporan EIA Jadual Kedua diproses diperingkat Ibu Pejabat Jabatan Alam Sekitar Malaysia, Putrajaya.


Seksyen 34A(2) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, menetapkan sesiapa yang bermaksud hendak menjalankan apa-apa aktiviti yang ditetapkan hendaklah, sebelum apa-apa kelulusan bagi menjalankan aktiviti itu diberikan oleh pihak berkuasa meluluskan yang relevan, mengemukakan suatu laporan kepada Ketua Pengarah.

5.2 Laporan PEIA

Bagi tahun 2015 jumlah Laporan EIA yang diterima dan diproses bagi negeri Kedah adalah sebanyak Lapan laporan. Daripada jumlah tersebut sebanyak empat (4) laporan EIA diluluskan, satu (1) laporan PEIA tidak diluluskan dan tiga (3) laporan EIA ditarik balik.




Rajah 5.1 : Pecahan Projek Yang Telah Diproses Mengikut Jenis Aktiviti Bagi Negeri Kedah Tahun 2015



Jadual 5.1: Senarai Laporan EIA Yang Diproses Bagi Negeri Kedah Tahun 2015

Perkara	Alamat	Tarikh		Status
		Terima	M/B	
PROPOSED 31 UNITS HOLIDAYS VILLA, 1 UNIT MANAGEMENT OFFICE, 2 FLOATING RESTAURANTS AND 1 JETTY ON LOT 4863 AND 4864, TELOK KERAM PULAU TUBA, MUKIM KUAH, KEDAH DARUL AMAN,	TASIK TENTERAM SDN BHD	4/2/2015	29/01/2015	PEIA DILULUSKAN
PROPOSED DEVELOPMENT OF BUKIT SELARONG INDUSTRIAL AND COMERCIAL CENTRE ON LOT 441 AND LOT 1222 MUKIM PADANG MEHA, KULIM.	SIME DARBY PROPERTIES SDN BHD	28/01/2015	28/01/2015	PEIA DILULUSKAN
Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekitar (EIA) Bagi Cadangan 'Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Pindaan Dan Tambahan Kepada Sebahagian Bangunan Hotel 4 Tingkat Sedia Ada (Fave Hotel Oleh Langkawi Saga Development Sdn. Bhd.	Lot 28, 29, 63, 1002 Dan Sebahagian Lot 119, Seksyen 4, Bandar Padang Mat Sirat, Daerah Langkawi, Kedah Darul Aman	16.3.2015	30.3.2015	* Laporan EIA ditarik balik oleh Juruperunding pada 30.3.2015
LAPORAN PENILAIAN KESAN KEPADA ALAM SEKELILING BAGI CADANGAN "PROPOSED PRODUCTION EXPENSION	LOT 45 & 46, KUALA KETIL, KEDAH DARUL AMAN" OLEH SCHAEFER KALK(M) SDN BHD.	8.4.2015	14.5.2015	PEIA DILULUSKAN
PROPOSED EXPANSION OF WASTE RECOVERY FACILITY ON LOTS 40,41 AND 42, KAWASAN PERUSAHAAN SUNGAI PETANI, SUNGAI PETANI, KEDAH	LOTS 40,41 AND 42, KAWASAN PERUSAHAAN SUNGAI PETANI, SUNGAI PETANI, KEDAH	26.8.2015	13.09.2015	PEIA DITOLAK -
PROPOSED OF MAHACITY DEVELOPEMENT(HOTEL AND SERVICES APARTMENT) FOR PFCE AT BANDAR KUAH, PULAU LANGKAWI, KEDAH DARUL AMAN	PT 1424 (HSD1111), PERSIARAN PUTERA, MUKIM KUAH, DAERAH LANGKAWI	7.9.2015	20.9.2015	* Laporan EIA ditarik oleh Juruperunding pada 20.9.2015
Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Pindaan Dan Tambahan Kepada Sebahagian Bangunan Hotel 4 Tingkat Sedia Ada (Fave Hotel Oleh Langkawi Saga Development Sdn. Bhd.	Lot 28, 29, 63, 1002 Dan Sebahagian Lot 119, Seksyen 4, Bandar Padang Mat Sirat, Daerah Langkawi, Kedah Darul Aman	30.9.2015	3.11.2015	PEIA DILULUSKAN
Cadangan Pembangunan Komersial Di Atas Lots Pt 334 (Lot Lama Lot 2032), Jalan Pantai Tengah, Mukim Kedawang, Daerah Langkawi, Kedah	LD GLOBAL SDN. BHD. (518757-T) Plot 30, Hilir Sg. Kluang 1, Bayan Lepas Ind. Park, Phase 4, 11900 Penang, Malaysia. Tel : 604-6411888 Fax : 604-6412888	3.12.2015	18.12.2015	* Laporan EIA ditarik balik utk penambahbaikan oleh Juruperunding pada 18.12.2015






5.3 Pelan Pengurusan Alam Sekitar (EMP)

Pelan Pengurusan Alam Sekitar atau *Environmental Management Plan* (EMP) merupakan pelan tindakan yang mengandungi langkah – langkah pemuliharaan alam sekitar, program pemantauan alam sekitar dan langkah – langkah keinstitusian yang perlu dilaksanakan semasa peringkat pelaksanaan projek dan operasi, bagi mencegah atau mengawal impak negatif terhadap alam sekitar. EMP mengaitkan impak - impak yang diramalkan dalam EIA dengan langkah-langkah pemuliharaan alam sekitar di tapak bagi meminimumkan impak negatif tersebut.

Bagi tahun 2015 sebanyak sepuluh (10) laporan Pelan Pengurusan Alam Sekitar telah diterima dan diproses oleh Jabatan Alam Sekitar Kedah. Daripada jumlah tersebut enam (6) laporan telah diluluskan, manakala tiga (3) laporan memerlukan pemaju menghantar



maklumat tambahan dan satu(1) laporan EMP untuk makluman dan rekod kerana tiada EIA bagi laporan yang dikemukakan.

Jadual 5.2: Senarai Laporan EMP yang diproses di Negeri Kedah Bagi Tahun 2015

N O	NAMA PEMAJU	NAMA JURUPERUNDING	TARIKH SURAT	STATUS
1	INDAH SEJAGAT SDN BHD	SBA CONSULTANT	5 Febuari 2015	minta maklumat tambahan
2	Lam Ho Development Sdn Bhd	Cekal Environment services	8 Mac 2015	Lulus
3	Benua Mahsuri Sdn. Bhd.	Asia Pasific Enviromental Consultant Sdn. Bhd.	13-Apr-15	Lulus
4	Benua Mahsuri Sdn. Bhd.	Tertib Alam Enterprise	21-Apr-15	Lulus
5	Gagasan Langkawi	Yes Enviro Services sdn. Bhd.	3-Jun-15	Lulus
6	Schaeffer Kalk	Yes Enviro Services sdn. Bhd.	17/8/2015	Lulus
7	PKNK	Cekal Environment services	19/8/2015	Lulus
8	YIKED HOLDING SDN. BHD.	Kenep Consultancy Sdn. Bhd.	2-Dec-15	minta maklumat tambahan
9	Nothern Granite Jaya (kedah) Sdn Bhd	Cekal Environment services	2-Dec-15	minta maklumat tambahan
10	LKIM	ERE Consulting Group Sdn Bhd	9-Dec-15	Ambil Maklum (tiada EIA)



5.4 Aktiviti-aktiviti EIA yang diproses di JAS Kedah

Selain dari memproses EIA dan EMP, Unit EIA JAS Kedah juga memproses permohonan-permohonan Lanjut Tempoh Kelulusan EIA di mana projek-projek yang telah mendapat kelulusan EIA tidak dapat memproses permohonan EIA dalam tempoh 2 tahun. Pada tahun 2015, terdapat 2 permohonan lanjut tempoh syarat EIA iaitu :

Jadual 5.3: Senarai Permohonan Lanjut Tempoh EIA yang diproses di Negeri Kedah Bagi Tahun 2015

<i>BIL</i>	<i>NAMA PROJEK</i>	<i>PENG-GERAK PROJEK</i>	<i>STATUS</i>	<i>TARIKH SURAT MAKLUM-BALAS</i>	<i>TARIKH BARU KELULUSAN EIA</i>
1	Cadangan Mendirikan Sebuah Hotel 4-8 Tingkat (253 Bilik) Dengan 1 Tingkat Basement, 5 Unit Villa 2 Tingkat, 4 Unit Villa 1 Tingkat, 1 Unit Dewan Acara & Bilik Mesyuarat 1 Tingkat, 1 Unit Speciality Restaurant 1 Tingkat, 1 Unit All Day Dining 1 Tingkat, 1 Unit Lounge 1 Tingkat, 1 Unit Restoren 2 Tingkat Di Atas LOT 2458 Dan 2459, Pantai Tengah, Mukim Kedawang Langkawi	Gagasan Langkawi	LULUS	24-Feb-15	27-Nov-16
2	Cadangan Pembangunan Pusat Halal Hub Dan Logistik Di Kawasan Perindustrian Bukit Kayu Hitam Fasa 3, Mukim Sungai Laka, Kubang Pasu	Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah	LULUS	24-Feb-15	1-Mar-17



Selain itu, terdapat juga permohonan pindaan syarat-syarat kelulusan EIA yang dipohon oleh pemaju jika terdapat perubahan pada proses atau penambahan kapasiti. Pada tahun 2015, terdapat enam (6) permohonan yang melibatkan perkara ini.

Jadual 5.4: Senarai Permohonan Pindaan syarat-syarat EIA bagi tahun 2015

No	Perkara	Tarikh		Status
		Terima	M/B	
1	NPK- Ubah syarat pelupusan atas tanah	23.3.2015	6.4.2015- Site Visit 9.4.2015-pgl bentang	Tolak
2	Cadangan Permohonan Pembangunan Bercampur - Ubah Lokasi & Syarat Kelulusan EIA(PARAS HINGGAR)	5.4.2015	28.4.2015	Lulus
3	5NPV-Pindaan Syarat Kelulusan EIA No.3 Penambahan Tiga(3) Bahan Mentah Baru.	25.5.2015	20.8.2016	Tolak
4	RAYUAN PINDAAN KEPADA PELAN SUSUNATUR PROPOSED MIXED DEVELOPMENT -Pindaan Syarat EIA Gagasan Langkawi SB	6.10.2015	4.11.2015	Lulus
5	RAYUAN PINDAAN DAN PENGECUALIAN MENGEMUKAKAN SEMULA LAPORAN EIA -Pindaan Syarat EIA Palm Star SB	6.10.2015	3.11.2015	Lulus
6	PROPOSED SCHEDULED WASTE (SW104) RECOVERY FACILITIES ON PT 361, MUKIM PADANG MEHA, DAERAH KULIM, KEDAH DARUL AMAN” BAGI TETUAN S.P. MEGA INDUSTRIES SDN. BHD.	3.12.2015	23.12.2015	Lulus

JAS Kedah juga memproses permohonan rayuan bagi projek-projek berkaitan EIA supaya tidak perlu menjalankan kajian impak alam sekitar. Sebanyak 14 ulasan dikeluarkan bagi permohonan ini. Selain itu, terdapat juga permohonan dan ulasan-ulasan yang dikemukakan untuk ulasan dan sebanyak 7 laporan dikeluarkan bagi permohonan ini.



Gambar dilampirkan bagi projek-projek yang memohon pindaan dan lanjut tempoh EIA



BAB 6

PROGRAM PENDIDIKAN DAN KESEDARAN AWAM



BAB 6


PROGRAM PENDIDIKAN DAN KESEDARAN AWAM

Program Kesedaran Dan Pendidikan Alam Sekitar

Jabatan Alam Sekitar telah melaksanakan program-program kesedaran kepada kumpulan sasaran yang melibatkan pelbagai lapisan masyarakat. Program ini di jayakan bertujuan untuk mencapai objektif bagi mewujudkan dan melahirkan kesedaran dan keperihatinan terhadap kepentingan penjagaan alam sekitar serta menyemai rasa tanggungjawab menjaga dan memulihara alam sekitar di kalangan masyarakat.

6.1 Ceramah


Ceramah adalah salah satu kaedah yang mudah dan cepat untuk memberikan maklumat kumpulan sasaran. Ceramah yang di jalankan merangkumi banyak tajuk seperti ceramah umum berkaitan alam sekitar, bidang tugas Jabatan, Akta Kualiti Alam Sekeliling dan Sistem Pengurusan Alam Sekitar. Sebanyak **37** ceramah telah disampaikan kepada pelajar-pelajar sekolah, Institut Pengajian Tinggi, jabatan kerajaan, pihak swasta dan orang awam sepanjang tahun 2015. **(Rajah 6.1).**



Rajah 6.1 : Pecahan aktiviti ceramah


6.2 Pameran

Aktiviti pameran adalah sebahagian daripada program kesedaran alam sekitar. Bahan-bahan penerbitan seperti brosur, majalah dan cenderahati diedarkan kepada pelawat-pelawat yang mengunjungi gerai pameran. Sebanyak 22 pameran telah dilaksanakan di pelbagai organisasi seperti Institusi Pengajian Tinggi, Sekolah, Jabatan Kerajaan, Industri dan lain-lain.



6.3 Kem Kesedaran Alam Sekitar (KeKAS)

Sebanyak 5 program KeKAS telah dilaksanakan dan melibatkan peserta di kalangan komuniti taman perumahan, guru-guru, pelajar pra sekolah, sekolah rendah, sekolah menengah dan pelajar institut pengajian tinggi.



6.4 Seminar Dan Taklimat

Sebanyak **10** program seminar dan taklimat kepada pihak luar telah dilaksanakan yang merangkumi pendedahan kepada peraturan-peraturan dibawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 serta pengurusan alam sekitar dalam perspektif Jabatan Alam Sekitar. Program ini melibatkan ahli rakan alam sekitar, pihak industri dan juga orang awam.

6.5 Rakan Alam Sekitar (RAS)

Jabatan Alam Sekitar telah menjalankan satu program di bawah Rakan Alam Sekitar iaitu Program Jelajah Jejak Mesra Rakan Alam Sekitar Zon Utara Bersempena dengan Sambutan Hari Bumi. Program tersebut telah diadakan pada 26 – 29 April 2015. Program ini diwujudkan bagi memantapkan keberkesanan pelaksanaan Program RAS agar ianya menjadi program yang signifikan dalam keupayaan ahli RAS menjalankan usaha ke arah pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar. Ia juga adalah untuk Mewujudkan konsep kepimpinan kepada ahli RAS supaya berupaya menggerakkan ahli RAS untuk memainkan peranan sebagai `mata dan telinga' untuk menangani isu-isu alam sekitar menerusi `hands-on learning' serta meningkatkan komitmen ahli RAS dalam menyumbang usaha dan tenaga dalam aktiviti pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar. Program tersebut adalah kerjasama di antara Jabatan Alam Sekitar dengan Institusi Pengajian Tinggi. Organisasi yang terlibat dalam menjayakan program tersebut adalah terdiri daripada Pasukan Media Zon Utara, Rakan Strategik Zon Utara, Kapten RAS Zon Utara, Agensi NRE, Pejabat Parlimen, Pejabat Daerah Kuala Muda dan Jabatan Alam Sekitar Zon Utara.



6.6 Sambutan Minggu Alam Sekitar Malaysia (MASM)

MASM adalah merupakan satu program tahunan Jabatan Alam Sekitar. Program tersebut telah diadakan pada 22 Oktober 2015 bertempat di Kelab Cinta Sayang , Sungai Petani Kedah. Tema sambutan bagi tahun 2015 ialah **"Ya! Teruskan Gaya Hidup Lestari"**. Ia telah disempurnakan oleh YB Dato' Dr Leong Yong Kong , Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Perpaduan, Alam Sekitar, Hal Ehwal Masyarakat Cina, India dan Siam Negeri Kedah.



BAB 7

PENGURUSAN KUALITI ISO MS 9001:2008



7.0 LAPORAN PELAKSANAAN SISTEM PENGURUSAN KUALITI

7.1 Pada tahun 2015 Jabatan Alam Sekitar Kedah telah melaksanakan system pengurusan kualiti MS ISO 9001 : 2008. Aktiviti di Jabatan Alam Sekitar Negeri Kedah yang melibatkan MS ISO 9001 : 2008 adalah pemprosesan laporan EIA, Penguatkuasaan EIA, Penyelenggaraan Komputer, Penyelenggaraan kenderaan, penyelenggaraan peralatan, pengurusan fail dan dokumen, perolehan dan pengurusan latihan.

7.2 Objektif kualiti Jabatan Alam Sekitar Kedah adalah:

Memproses Laporan EIA dalam tempoh 5 minggu.

Memproses Laporan EIA Terperinci (DEIA) dalam tempoh 12 minggu.

Memproses tuntutan dalam tempoh 14 hari.

Menjalankan penguatkuasaan mengikut jadual.

Mengemukakan maklumat perjawatan setiap bulan kepada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.

Maklumbalas bagi penyelenggaraan computer dalam tempoh 8 jam.

Setiap pegawai hendaklah mengikuti tempoh 7 hari berkursus.



Audit kualiti dalaman (AKD) telah dijalankan pada 2015 dan hasil teguran audit tersebut telah diambil tindakan oleh JAS Negeri Kedah. Pencapaian JAS Kedah bagi pelaksanaan sistem pengurusan kualiti pada tahun 2015 adalah seperti berikut.

Aktiviti	Pencapaian
Pemprosesan Laporan EIA	100 % mengikut piagam
Aktiviti Penguatkuasaan Syarat – Syarat Kelulusan EIA	100 % mengikut jadual yang telah dirancang
Penyelenggaraan computer dalam tempoh 24 jam	100 % mengikut piagam
Pemprosesan tuntutan dalam tempoh 14 hari	100 % mengikut piagam
Mengikuti kursus sebanyak 7 hari dalam setahun	100 % pematuhan



BAB 8

KELAB ALAM SEKITAR



Kelab Alam Sekitar Kedah (KASKED)

Kelab Alam Sekitar Kedah (KASKED) adalah sebuah kelab sukan dan kebajikan bagi JAS Negeri Kedah yang telah ditubuhkan pada 13 April 2009 dan pada 11 Januari 2001 telah didaftarkan secara rasmi di dalam sistem Pendaftaran Elektronik Pertubuhan (eROSES) (No. Pendaftaran : PPM-004-02-01112001) di Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia Negeri Kedah dengan misi Kelab memberi keutamaan kepada kebajikan dan sukan di kalangan ahli di peringkat Jabatan mahupun penglibatan di peringkat lebih tinggi di luar Jabatan. Objektif KASKED adalah bertujuan untuk mengeratkan ikatan silaturrahim di kalangan ahli KASKED dan ahli keluarga KASKED melalui aktiviti yang dirancang oleh barisan AJK KASKED dengan komitmen padu daripada semua ahlinya. Sehingga April 2015, seramai 81 orang ahli KASKED yang berdaftar telah banyak menikmati faedah daripada aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh kelab.

Hasil daripada aktiviti yang telah dijalankan, secara tidak langsung dapat meningkatkan hubungan yang baik di antara semua kakitangan JAS tanpa mengira kedudukan, pangkat dan sebagainya. Aktiviti kelab juga turut membabitkan penglibatan daripada pihak industri terutama seminar-seminar yang berkaitan dengan informasi terkini pengurusan dan penguatkuasaan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Pihak KASKED terus perihatin terhadap kebajikan ahli seperti pemberian sumbangan cenderamata dan ihsan kepada kakitangan yang melangsungkan perkahwinan, mendapat cahaya mata, kematian ahli keluarga terdekat, sumbangan perubatan, sumbangan bencana alam (sumbangan kepada mangsa banjir di pantai timur), jamuan perpisahan kepada ahli yang akan menamatkan perkhidmatan atau bertukar perkhidmatan.

